

15 OCT 2003

Khalil-Amanat

DR MAHATHIR SENTIASA BERI AMANAT PADA MESYUARAT MT, JELAS KHALIL

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob hari ini menjelaskan bahawa tidak ada amanat terakhir atau sebagainya oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hujung bulan ini kerana beliau (Dr Mahathir) sentiasa memberikan amanat pada setiap mesyuarat Majlis Tertinggi Umno.

"Sebenarnya mesyuarat Majlis Tertinggi yang diadakan pada 30 Okt ini merupakan satu mesyuarat biasa dan oleh kerana ia dijadualkan pada bulan puasa, jadi selepas itu kita akan berbuka dan sembahyang serta berterawih di lingkungan kawasan pejabat Umno," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan buku berjudul 'Dr Mahathir From An Arab and Islamic Perspective' sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini hari ini.

Katanya, Umno tidak merancang lebih (banyak agenda) bagi mesyuarat itu dan tiada ucapan atau sebarang agenda khas dijadualkan pada hari itu.

Dr Mahathir dijadualkan bersara dari jawatannya sebagai Perdana Menteri dan jawatannya dalam parti, hujung bulan ini.

Khalil berkata Umno sememangnya biasa menjemput tokoh-tokoh korporat atau veteran Umno untuk hadir pada majlis berbuka puasa seperti tahun-tahun sebelum ini.

Ditanya sekiranya ada lain-lain majlis yang dirancang pada 31 Okt untuk Dr Mahathir, katanya Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman mungkin boleh buat penjelasan mengenai perkara itu bagi pihak kerajaan.

Mengenai nasihat Dr Mahathir supaya ahli politik veteran Barisan Nasional berundur dan memberi laluan kepada muka-muka baru, beliau berkata kenyataan itu perlu diambil iktibar oleh semua.

"Apabila tiba pilihan raya, ia bergantung kepada pucuk pimpinan yang mengambil alih. Dan dalam amalan memilih calon serta memberi jawatan ia adalah (kuasa) pucuk pimpinan," katanya.

Terdahulu, Khalil berkata penulisan mengenai Dr Mahathir dalam Bahasa Arab itu adalah satu perkembangan yang baik kerana ia boleh memberikan gambaran mengenai Perdana Menteri mengikut perspektif orang Arab sendiri.

Katanya, buku itu turut menyentuh Malaysia sebagai sebuah negara contoh dari segi tahap kemajuan sebuah negara membangun, serta dari aspek statusnya sebagai sebuah negara Islam.

Buku itu dihasilkan oleh Dr Abdulrahim Abdulwahid dari Emiriyah Arab Bersatu.

Sebuah lagi buku berjudul "Mahathir The Secret of the Malaysian Success", karya Duta Bosnia Herzegovina ke Malaysia, Hajrudin Somun, turut dilancarkan sempena sidang kemuncak OIC hari ini.

-- BERNAMA

SHS AZZ AZH